

09/11/1999

Terjunan Menara KL bukan terakhir

Johnny Giles Senin

KEJAYAAN demi kejayaan yang dicatat rakyat Malaysia di arena antarabangsa, membuktikan slogan 'Malaysia Boleh' yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bukan laungan atau impian kosong.

Sebaliknya, semangat 'Malaysia Boleh' terus membara, sekali gus menunjukkan dunia bahawa Malaysia mungkin negara kecil, tetapi ternyata mampu melakukan apa yang diimpikan.

Malaysia sudah membuktikan bahawa rakyatnya boleh memacakkan Jalur Gemilang di kemuncak tertinggi dunia, Gunung Everest atau melakukan penerjunan bebas di Kutub Utara dan berjalan sejauh 111 kilometer ke Darjah Terakhir Kutub Utara.

Lebih hebat lagi, apabila pelayar negara, Datuk Azhar Mansor, menempa sejarah mengelilingi dunia dengan kapal layar Jalur Gemilang secara bersendirian dengan menempuh gelombang hebat.

Dan yang terbaru, dua penerjun tempatan, Leftenan (B) A Aziz Ahmad dan Kapten (B) Abdul Rahmat Omar, mencatat sejarah apabila menjadi kumpulan pertama melakukan penerjunan Base dari ketinggian 300 meter di Menara Kuala Lumpur.

Penerjunan itu turut disertai Martin Dumas - seorang perunding terjunan Base yang mempunyai pengalaman luas dalam sukan terjun bebas.

Aziz dan Abdul Rahmat pernah menyertai Ekspedisi Terjunan Bebas Kutub Utara pada 1998 manakala Martin yang berasal dari Montreal, Kanada pula adalah pemilik Pusat AtmosphAir Skydiving, Quebec.

Base merujuk kepada struktur bangunan, antena, perentang dan bumi, iaitu empat pelantar yang digunakan untuk penerjunan dari puncak tinggi dan bukannya dari pesawat.

Aksi terjunan Base biasanya sukar dan berisiko tinggi kerana dilakukan di bawah tahap ketinggian minimum 800 meter yang diperlukan penerjun untuk membuka payung dengan selamat.

Dalam terjunan dari Menara Kuala Lumpur, penerjun mempunyai sepuluh saat untuk sampai ke bawah dari ketinggian 300 meter.

Penerjun juga perlu mengambil masa tiga saat untuk melepasi bahagian atas menara sebelum membuka payung terjun dan mendarat di tempat meletak bas di hujung laluan jalan kaki Menara Kuala Lumpur dan padang Sekolah Convent Bukit Nanas.

Aziz dan Abdul Rahmat melakukan terjunan dari Menara Kuala Lumpur pada jam 9.30 pagi bersama Martin.

Abdul Rahmat berkata, berbanding terjunan udara biasa, terjunan Base lebih sukar kerana ketinggian minimum lazimnya adalah 800 meter untuk membolehkan penerjun membuka payung dengan selamat.

Katanya, terjunan di menara itu dibuat pada ketinggian 300 meter, kurang hampir satu pertiga daripada paras minimum.

Namun, Aziz dan Abdul Rahmat berjaya melakukannya, sekali gus mencatat nama dalam Malaysia Book of Records sebagai penerjun terjunan Base pertama dilakukan di Malaysia.

Kita yakin kejayaan itu tidak akan berakhir, sebaliknya semangat Malaysia Boleh akan terus membara dan mendorong lebih ramai rakyat melakukan sesuatu terutama dalam alaf baru nanti bagi membuktikan dunia bahawa kita memang boleh dan Malaysia mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara lain.